

10/12/1998

Sejarah undi bonus

Radzi Wahab; Bakhari Ariff

UNDI akar umbi atau undi bonus diperkenalkan Umno pada 1988 dalam usaha memastikan pencalonan bagi calon presiden dan timbalannya mesti diterjemahkan dalam bentuk undi ketika pemilihan parti.

Ini berikutan pada pemilihan jawatan presiden pada 1987, calon yang mendapat sebahagian besar pencalonan di peringkat bahagian mendapat undi yang tidak mencerminkan jumlah pencalonan yang diterima berbanding pencabar.

Pensyarah Jabatan Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr Ahmad Atory Hussain, menyifatkan cadangan pindaan untuk memansuhkan undi bonus menunjukkan Umno kini semakin matang dalam menghadapi kelemahan dalam parti.

"Pemansuhan undi bonus dapat mengikis amalan politik wang," katanya.

Bekas Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Azahari Taib, berkata usaha memansuhkan undi bonus hanya dapat mengurangkan politik wang, tetapi tidak dapat menghapuskannya sama sekali.

Sambil menyifatkan politik wang berpaksi kepada `permintaan dan penawaran', beliau berkata, masalah itu tidak akan dapat dihapuskan sepenuhnya kecuali wujud keinsafan di kalangan ahli.

"Sebagai contoh, walaupun kita mempunyai Badan Pencegah Rasuah, tetapi amalan rasuah di negara ini masih berlaku.

"Bagaimanapun, saya percaya kebanyakan mereka yang terbabit dalam politik wang hanya sekadar bergiat secara `mosquito scheme' (kecil-kecilan) dan tidak sehebat ketika ekonomi negara sedang makmur," katanya.

Bekas Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Rais Yatim, berkata penghapusan undi bonus memberi kesan positif kepada perkembangan demokrasi di negara ini.

Beliau berkata, satu ketika dulu beliau begitu yakin usia pelaksanaan pemberian undi bonus akan berakhir.

Ketua Wanita, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata pemansuhan undi berkenaan dapat memantapkan lagi parti yang kini mempunyai 2.7 juta ahli.

Bekas Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mustafa Jabar, berkata pemansuhan 10 undi bonus secara tidak langsung dapat menghapuskan politik wang dan membersihkan nama parti daripada gejala tidak bermoral itu.

Undi bonus dirasakan perlu selepas pemilihan pada 1987 apabila Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengekalkan jawatan selepas mengalahkan Tengku Razaleigh dengan 43 undi. Dr Mahathir meraih 761 undi manakala Tengku Razaleigh (718).

Ia juga bertujuan mengelakkan amalan politik wang yang mana perwakilan mudah terdedah kepada sogokan.

Oleh itu, pencalonan yang dibuat bahagian bagi jawatan presiden dan timbalannya secara automatik diterjemahkan kepada 10 undi ketika pemilihan sebenar dilakukan.

Undi bonus memihak kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mulanya menyatakan tidak akan mencabar timbalan presiden ketika itu, Tun Ghafar Baba pada 1993.

Ketika pencalonan diumumkan pada 12 Oktober 1993, Anwar mendapat 143 pencalonan berbanding Ghafar (tujuh).

Ghafar menarik diri kerana secara automatik Anwar sudah mendapat 1,430 undi, sedangkan beliau hanya mendapat 70 undi.

(END)